

BULETIN PREMIER

www.pis.edu.my

PENERAJU ILMU SEJAGAT

EDISI 1 / 2017 ISSN 2232-0008



IS POLITEKNIK PERTAMA DIKTIRAF PENSIJILAN MS ISO 9001:2015

Disediakan oleh: Asniza binti Abu Bakar & Syamzurina binti Md Hasan

PIS telah mendapat pengiktirafan MS ISO 9001:2015 setelah pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd. telah menjalankan Audit Pensijilan Semula dan *Upgrading* pada 28 hingga 30 November 2016. Pensijilan ISO membuktikan PIS komited memberikan perkhidmatan pendidikan yang terjamin dari segi kualiti kepada para pelajarannya. Oleh yang demikian, PIS mendapat kepercayaan daripada pihak berkepentingan (*stakeholders*) seperti ibu bapa, majikan/industri, KPT dan JPP tentang sistem pengurusan PIS yang berkualiti. Perubahan yang dilakukan oleh PIS untuk menuju ke arah MS ISO 9001:2015 adalah mewujudkan Manual Pengurusan Risiko dengan mengambil kira isu-isu dalaman dan luaran. Diharapkan melalui Manual Pengurusan Risiko tersebut, ianya dapat membantu Politeknik Ibrahim Sultan dalam mengoptimalkan pengurusan ekonomi secara komprehensif untuk kesejahteraan pelajar, menyelaraskan perancangan dan pembangunan infrastruktur fizikal demi keselesaan dan kesejahteraan pelajar, meningkatkan taraf sosial pelajar PIS ke arah kesejahteraan negara dan memperkasa sistem penyampaian perkhidmatan awam bagi memberikan perkhidmatan terbaik.

Audit Pensijilan Semula dan *Upgrading* ini diketuai oleh En. Muhammad Fadhullah bin Rahmat dibantu oleh Pn. Nor Hasifah binti Abdul dan Pn. Evelyn Liew Yuen Chun. Selama tiga hari Audit Pensijilan Semula dan *Upgrading* ini berlangsung, jabatan yang dilawati adalah Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual, Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti, Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Jabatan Pengajian Am manakala unit pula adalah Unit Kualiti, Unit Perpustakaan, Unit Psikologi dan Kerjaya, Unit Teknologi Maklumat, Unit Peperiksaan, Unit Pendidikan dan Latihan Industri dan Unit CISEC.

bersambung di muka 2



Auditor SIRIM bersama barisan pengurusan PIS.



KANDUNGAN

ART TALK' BERSAMA
ASSOCIATE PROFESSOR
JANG SUK JOO

3

AUDIT DALAMAN MS ISO 2009: 2015,
EKSA DAN OSH SIRI 1/2017

6

INTERNATIONAL STUDENT
OUTREACH PROGRAMME

13

PENGLIBATAN SUKARELAWAN
DALAM FESTIVAL LAYANG-LAYANG
SEDUNIA

4

ASEAN TVET ENGLISH PROGRAMME
2017: INTERNATIONAL PSR

9

POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN
SHINES AT THE 22ND WORLD KITE
FESTIVAL 2017

14



Sekitar Audit Pensijilan Semula dan *Upgrading*

Dapatan daripada Audit Pensijilan Semula dan *Upgrading* ini tiada sebarang laporan ketidakpatuhan *Non-Conformity Report* (NCR) dilaporkan semasa audit dan enam peluang penambahbaikan (OFI) yang dicadangkan oleh juruaudit. Ini menunjukkan Sistem Pengurusan Kualiti di PIS dilaksanakan dengan baik dan berkesan. Sistem Pengurusan Kualiti kekal kukuh walaupun perubahan-perubahan ke atas sistem pengurusan kualiti dirancang dan dilaksanakan. Pihak Pengurusan PIS mengucapkan penghargaan kepada pihak SIRIM di atas kerjasama yang diberikan. Pihak Pengurusan juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua warga PIS atas kerjasama dan komitmen yang ditunjukkan dalam menjayakan Audit Pensijilan Semula dan *Upgrading* ke arah MS ISO 9001:2015. Dengan kerjasama dan komitmen daripada semua pihak yang ditunjukkan, PIS telah mengekalkan rekod 5 tahun Audit SIRIM tanpa NCR. Semoga kejayaan ini dapat dikekalkan selamanya.

MAJLIS KONVOKESYEN POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN KALI KE 21

Disediakan oleh: Emy Zulyiana binti Mohd Nor

Majlis Konvokesyen ke 21 Politeknik Ibrahim Sultan telah berlangsung pada 19 Mac 2017 di Dewan Tunku Laksamana Abdul Jalil. Seramai 521 graduan dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual (JRKV), Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) dan Jabatan Perlombongan & Hospitaliti. Penyampaian sijil kepada graduan telah disempurnakan oleh Datuk Haji Ayub bin Rahmat, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan Negeri Johor pada sidang pertama. Bagi sidang 2 pula, Yang Berbahagia, Encik Shabudin bin Man, Timbalan Ketua Pengarah (Strategik), Jabatan Pendidikan Politeknik Kementerian Pendidikan Tinggi, telah menyempurnakan upacara penganugerahan sijil kepada para graduan.



Bersama VIP Sidang 2, Yang Berbahagia En Shabudin bin Man.



Fad dan Achey menghiburkan pelajar dan penduduk Pasir Gudang di Malam *Alumnite*.

Pada konvo kali ini, dua graduan telah terpilih untuk menerima Anugerah Khas Pengarah iaitu Saudari Marufah binti Jailan, graduan JRKV dan atlit karate S. Gopinaathan, graduan JKM. Kedua-dua graduan ini telah berjaya merangkul emas hingga ke peringkat dunia dalam pertandingan WorldSkills ASEAN dan Karate International Tournament Goa, India. Pesta konvokesyen turut diserikan dengan gerai-gerai yang menjual pelbagai jenis barangan makanan, barangan kering, bunga dan fotografi yang bermula 18 Mac 2017. Pada sebelah malamnya, makan malam *Alumnite* berlangsung dan tetamu jemputan yang merupakan Alumni PIS iaitu Fad dan Achey dari kumpulan Bocey telah memeriahkan malam tersebut. Secara keseluruhannya, Majlis Konvokesyen PIS ke 21 telah berlangsung dengan jayanya. Tahniah diucapkan kepada graduan PIS!

'ART TALK' BERSAMA ASSOCIATE PROFESSOR JANG SUK JOO

Disediakan oleh: Pn. Ismalyza binti Mt. Arif dan Dr. Beh Cheng Siew

Bertemakan *Metaphor Of Nature*, Associate Professor Jang Suk Joo menterjemahkan beberapa hasil karya fotografi beliau buat tatapan para pensyarah dan pelajar di Galeria JRKV yang berlangsung pada 1 Februari 2017. Beliau berbicara menerusi lensa kamera sebagai wadah interpretasi '*inner beauty of nature*' yang dirakam sepanjang pengembaraan beliau di beberapa lokasi di sekitar Johor, Melaka, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur. Beliau sangat teruja semasa sesi dialog bebas bersama-sama peserta dan turut berkongsi pengalaman beliau selama 5 bulan SIP di Politeknik Ibrahim Sultan. Menurut Dr. Beh (2017), Associate Professor Jang berpegang kepada falsafah – fotografi adalah satu bentuk komunikasi '*non-verbal*'. Ia




Assoc. Prof. Jang sedang khusyuk berbicara semasa sesi dialog Art Talk.

merakam fakta dan butiran sebenar yang kadang-kadang tidak dapat dilihat dengan pandangan mata yang nyata. Menurut Barnbaum (2012), demi mencapai potensi visual yang terbaik, suatu foto semestinya mampu menyampaikan sesuatu pemikiran seseorang kepada orang yang lain, dalam konteks ini, adalah daripada seorang jurufoto kepada penontonnya. Justeru, fotografi juga setanding dengan karya artistik yang lain seperti catan, arca dan musik. Misalannya, "*A Beethoven symphony says something to its listeners; a Rembrandt painting speaks to its viewers; a Michelangelo statue communicates with its admirers*" (Barnbaum, 2012).



Sesi Art Talk berlangsung.



Research & Rebranding Project with BVC students to Wetland Kampung Sedili Kecil, Kota Tinggi, Johor.



NBOS Project of PIS with Akademi Binaan Malaysia Wilayah Tengah KL, Majlis Daerah Rembau and JKR Daerah Rembau & Seremban, and PDRM Daerah Rembau, Negeri Sembilan for the 'Street Arts' (wall painting) around the town of Rembau



Korean Language class activity: Introduction to Korea culture.



Cultural exchange – The celebration of Hari Raya Haji and homestay with PIS staff, Mdm. Maria's.



Visit Wardrobe Department of LEGOLAND: Exploring and experiencing different course of program offered in PIS – Diploma in Fashion Design & Clothing.



As Keynote speaker for CrTEC 2016, in CDeC PIS.

Pada 22 hingga 26 Februari 2017, telah berlangsung Festival Layang-layang Sedunia Pasir Gudang Kali ke-22 bertempat di Bukit Layang-layang Pasir Gudang. Acara yang berlangsung selama 5 hari ini merupakan anjuran dari Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Malaysia. Seramai 240 orang pelayang antarabangsa telah sama-sama hadir bagi memeriahkan penganjuran festival pada tahun ini. Sehubungan itu, bagi kesekian tahunnya Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti, Politeknik Ibrahim Sultan, sekali lagi telah terlibat secara langsung sebagai sukarelawan dalam festival yang penuh gilang gemilang ini. Secara keseluruhannya, seramai 20 orang pensyarah bersama 75 orang pelajar telah berkhidmat sebagai sukarelawan dalam penganjuran festival pada kali ini. Antara tugas yang telah dilaksanakan ialah sebagai liaison peserta antarabangsa. Liaison merupakan duta kecil yang telah dilantik oleh pihak penganjur kerana mereka merupakan *frontliner* dan perlu sentiasa berkomunikasi dengan para pelayang. Sehubungan itu, liaison juga perlu sentiasa bersama-sama pelayang sepanjang berada di padang untuk memastikan keperluan pelayang dapat disediakan dari semasa ke semasa.



PENGLIBATAN SUKARELAWAN DALAM FESTIVAL LAYANG-LAYANG SEDUNIA PASIR GUDANG

Disediakan oleh : Azila binti Abd Wahid
dan Norakashah binti Kasim

Kemahiran berkomunikasi dengan berkesan sangat diperlukan sepanjang bertugas memandangkan tidak semua pelayang antarabangsa boleh berkomunikasi dalam bahasa Inggeris.

Manakala pada 23 Februari pula, telah berlangsung Majlis Taklimat Peserta Antarabangsa yang juga turut diuruskan oleh sukarelawan daripada JPH. Seramai 14 pensyarah dan 35 pelajar JPH terlibat. Majlis ini juga telah mendapat kerjasama daripada Kelab Kebudayaan PIS. Majlis yang penuh meriah ini telah dihadiri oleh En. Abu Bakar bin Abdul Hamid sebagai wakil kepada Pengarah PIS bersama Tn Hj Ismail dan Tn Hj Rahim selaku Presiden Majlis Pelayang Malaysia. Semoga dengan penglibatan staf dan pelajar dalam acara di peringkat antarabangsa ini dapat memberi impak yang positif kepada hubungan kolaborasi antara Majlis Perbandaran Pasir Gudang sebagai penganjur acara dan Politeknik Ibrahim Sultan.



MINGGU JMSK 2017

Disediakan oleh: Emy Zulyana binti Mohd Noor
dan Munirah binti Salleh



Pemeran dari jabatan induk.

Pada 19 hingga 22 Februari 2017, Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK) Politeknik Ibrahim Sultan telah menganjurkan Program Minggu JMSK 2017. Program yang dilaksanakan selama empat hari berturut-turut ini melibatkan pelajar, staf politeknik, agensi luar dan pelajar-pelajar sekolah berhampiran. Pada hari pertama program iaitu pada 19 Februari 2017 dua aktiviti berlangsung serentak di Dewan Tunku Laksamana Abdul Jalil iaitu Pameran Poster Inovasi dan Pameran Petrosains Johor. Pada hari kedua program, iaitu 20 Februari 2017, telah berlangsung aktiviti *Explorace Challenge* dan *Gravity in Abseiling & Rappelling* secara serentak. Aktiviti *Explorace Challenge* telah disertai oleh 10 kumpulan terdiri daripada 6 peserta dari PIS dan 4 kumpulan jemputan luar iaitu daripada Soonchunhyang University of Korea, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pasir Gudang, Politeknik Merlimau Melaka dan Politeknik Mersing Johor. Manakala Program *Gravity in Abseiling & Rappelling* pula dijalankan dengan kerjasama dari pihak Bomba dan Penyelamat, Balai Bomba Taman Mawar, Pasir Gudang. Pada 21 Februari 2017, telah diadakan Ceramah Kawalan Kendiri & Keselamatan *Internet* oleh *Communication & Multimedia Content Forum of Malaysia* yang disampaikan oleh En Muhammad Noor Syawal Khir Adzmi yang bertujuan untuk mempromosikan konsep kawalan kendiri berkaitan dengan kandungan yang disampaikan melalui media elektronik. Pada hari terakhir program Minggu JMSK 2017, telah diadakan pertandingan *Hydraulic & Gliders* yang



Pertandingan Poster Inovasi.



Peserta pertandingan *Hydraulic Machine*.

bertujuan untuk melihat kreativiti peserta yang terdiri daripada pelajar politeknik dengan menghasilkan kapal terbang kertas dan mesin ringkas menggunakan prinsip hidraulik yang mengaplikasikan kemahiran kejuruteraan dan sains fizik yang telah mereka pelajari di dalam kelas. Selain itu, pertandingan video pelajar yang berkisar tentang Sains Dalam Kehidupan turut diadakan dan diadili pada hari terakhir. Program diakhiri dengan Majlis penutup dan penyampaian hadiah kepada pemenang yang disempurnakan oleh Pengarah PIS, iaitu Tuan Haji Muhamad Rumzi bin Mamat.



Majlis penyampaian hadiah peserta *Explorace Challenge*.



Aktiviti membuat tanah liat dari barangan di dapur.



Pemeran Petrosains Johor.



Peserta *Explorace Challenge*.



Pertandingan *Gliders*.



Aktiviti *Gravity in Abseiling & Rappelling*.

Mesin hidraulik ringkas.

AUDIT DALAMAN MS ISO 2009: 2015, EKSA DAN OSH SIRI 1/2017

Disediakan Oleh : Nor Marlina binti Othman



Mesyuarat Pembukaan Audit Dalaman MS ISO 9001:2015, EKSA & OSH.



Proses Audit Manual Kualiti bersama Pengarah dan Wakil Pengurusan.

Pada 13 hingga 16 Mac 2017, Politeknik Ibrahim Sultan (PIS) telah mengadakan Audit Dalaman Siri 1/2017. Audit ini telah menggabungkan audit MS ISO 9001:2015, Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) dan *Occupational Safety and Health* (OSH). Audit Dalaman MS ISO 9001:2015 diketuai oleh Pn. Lim Hooi Peng, Pn. Norfairus binti Mohd Khalid selaku ketua pasukan Audit EKSA dan bagi Audit OSH diketuai oleh En. Mohd Halid bin Abu. Objektif Audit Dalaman MS ISO 9001:2015 ini dijalankan bertujuan memastikan sistem pengurusan kualiti di PIS dilaksanakan secara berkesan berdasarkan prosedur kualiti yang digunakan dan mengenalpasti masalah-masalah dalaman yang berlaku bersesuaian dengan persijilan MS ISO 9001:2015. Ketua Juruaudit, Pn. Lim Hooi Peng mengetuai pasukan audit dalaman ini dan dibantu oleh 23 orang juruaudit. Pasukan juruaudit telah melaksanakan proses audit dengan mengutamakan hasil proses. Terdapat beberapa cadangan lisan diberikan kepada auditee dan beberapa pembetulan serta-merta turut dibuat semasa audit bagi kes-kes kecil yang tidak menjejaskan pelaksanaan proses keseluruhan.

Pasukan audit dalaman telah mengenalpasti beberapa bukti penemuan semasa audit dalaman dijalankan. Walau bagaimanapun, pasukan audit dalaman telah menemui lima ketakutan dan lima peluang penambahbaikan. Penemuan - penemuan audit menunjukkan PIS mempunyai pasukan kerja dan struktur organisasi dari segi amalan dan pembangunan yang kreatif, sejajar dengan pelaksanaan sistem pengurusan kualiti.

Penemuan tersebut telah pun dibentangkan semasa penutupan Audit Dalaman untuk dibuat tindakan pembetulan dan pencegahan pada masa akan datang. Semua jabatan dan unit yang diaudit melaksanakan proses sepertimana yang telah digariskan dalam Manual Prosedur Kualiti, selaras dengan dasar dan objektif kualiti.

Hasil daripada laporan Audit Dalaman EKSA, PIS juga menunjukkan peningkatan di beberapa buah zon yang terlibat. Secara keseluruhannya penegasan terhadap kepentingan EKSA di jabatan dan unit masing-masing perlu dipandang lebih serius bagi memastikan PIS berjaya mendapat Pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) oleh MAMPU. Manakala hasil daripada Audit Dalaman OSH juga mendapati beberapa peningkatan yang agak baik telah ditunjukkan oleh setiap jabatan yang terlibat. Diharap setiap jabatan yang terlibat dapat mengekalkan dan terus mempertingkatkan lagi kepentingan keselamatan di jabatan masing-masing.

Pengarah PIS, Tn. Hj. Muhamad Rumzi bin Mamat mengucapkan sekalung penghargaan kepada seluruh warga PIS yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pelaksanaan Audit Dalaman kali ini. Kerjasama daripada semua staf PIS menunjukkan kesungguhan dan komitmen yang diberikan adalah tinggi. Adalah diharapkan, tindakan pembetulan yang sesuai dan berkesan terhadap penemuan yang dilaporkan, dapat diambil supaya kelemahan yang berlaku dapat diatasi dengan segera bagi meningkatkan lagi sistem pengurusan kualiti Politeknik Ibrahim Sultan.



Proses Audit Dalaman di Jabatan.



Proses Audit Dalaman - Kawalan Dokumen.



Proses Audit Dalaman di Jabatan.

PENJENAMAAN SEMULA GALERI ASPIRASI KREATIF POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN

Disediakan oleh: Ismalyza binti Mt. Arif



Yang Berhormat Dato' Amir bin Md. Noor menandatangani Guess Book selepas ucapan perasmian GALERI ASPIRASI KREATIF POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN.



Yang Berhormat Dato' Amir bin Md. Noor melawat pameran di Galeri Aspirasi Kreatif PIS dan berinteraksi dengan wakil kumpulan yang memenangi 5 anugerah semasa VISCOM 24 iaitu Junaidi Ikmal bin Md. Jumri dan Siti Amirah Syuhaidah binti Hamidon daripada Diploma Rekabentuk Grafik.



Team poliTV turut menemuramah Yang Berhormat Dato' Amir bin Md. Noor secara live di akhir majlis.



Para pelajar dan tetamu bergambar bersama dengan Yang Berhormat Dato' Amir bin Md. Noor.



Yang Berhormat Dato' Amir bin Md. Noor menerima cenderahati daripada Tuan Haji Muhamad Rumzi bin Mamat, Pengarah Politeknik Ibrahim Sultan serta diiringi oleh Dr. Beh Cheng Siew, Ketua Jabatan Rekabentuk & Komunikasi Visual.

Pada 3 April 2017 bersamaan 6 Rejab 1438 H, Yang Amat Berhormat Dato' Amir bin Md. Noor, Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi telah merasmikan Galeri Aspirasi Kreatif di Politeknik Ibrahim Sultan yang sebelum ini dikenali sebagai Galeria Jabatan Rekabentuk & Komunikasi Visual. Majlis berlangsung dengan penuh simbolik dan dihadiri oleh barisan pengurusan tertinggi Jabatan Pengajian Politeknik, Politeknik Ibrahim Sultan serta para pensyarah dan pelajar.

Yang Amat Berhormat Dato' Amir bin Md. Noor amat gembira dan teruja menyaksikan *art work* yang dipamerkan di Galeri Aspirasi Kreatif di Politeknik Ibrahim Sultan iaitu VISCOM SHOW kali ke 24, yang mempamerkan hasil kreativiti para pelajar semester akhir bagi program Diploma Rekabentuk Grafik, Diploma Rekabentuk Industri, Diploma Rekabentuk Fesyen & Pakaian serta Sijil Kemahiran Rekabentuk Grafik bagi Sesi Disember 2016.

Selain itu, turut sama dalam pameran tersebut ialah *Illustrations Book Of Besut*, Projek Bersama YB Dato' Seri Idris bin Jusoh, Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia dan *Art Beat Exhibition* iaitu Program Mengurus Perdana Pendidikan TVET bagi Politeknik dan Kolej Komuniti, "*Embracing the Arts Towards Entrepreneurship*". Semoga kewujudan Galeri Aspirasi Kreatif PIS akan menjadi kebanggaan bagi meneruskan potensi hasil kreativiti dan inspirasi yang pernah terukir akan tercapai dengan sempurna.



OH MY SHOES


Disediakan oleh: Nur Izzah Syazwani binti Abd Manaf & Nur Fadillah binti Mat Ariffin

Bertempat di Sekolah Kebangsaan Kong Kong Laut, Pasir Gudang, Johor telah berlangsungnya Program "Oh My Shoes". Program ini telah berlangsung pada 12 Mac 2017 (Ahad) bermula dari jam 8.00 pagi sehingga 2.00 petang. Politeknik Ibrahim Sultan telah bekerjasama bersama Sekolah Kebangsaan Kong Kong Laut untuk menjayakan program ini khusus untuk pelajar-pelajar sekolah tersebut yang terdiri daripada tahun 4, tahun 5 & tahun 6.

Program "Oh My Shoes" ini dianjurkan oleh pelajar-pelajar Semester 4 Diploma Pengurusan Acara bagi mencapai matlamat dan objektif di bawah kursus Event Fundraising and Sponsorship (DTE5013). Program ini dijalankan dengan tujuan untuk membawa konsep keceriaan, kasih-sayang, pendidikan dan kegembiraan kepada pelajar-pelajar di sekolah tersebut. Program ini turut diadakan untuk menjalankan tanggungjawab dan seterusnya

mendedahkan pelajar-pelajar dengan aktiviti yang melibatkan kemasyarakatan. Pelbagai aktiviti yang telah dijalankan seperti ice-breaking, pop quiz, spelling bee, dam gergasi dan lain-lain aktiviti yang menyeronokkan.

Slogan bagi program ini ialah "Satu Kasut, Satu Senyuman". Sebelum berlangsungnya program ini, para pelajar telah didedahkan dengan aktiviti berbentuk keusahawanan seperti jualan makanan & minuman, delivery food dan sebagainya bagi mengumpul dana sebagai sumbangan kepada pelajar-pelajar Sekolah Kebangsaan Kong Kong Laut. Selain dari itu, para pelajar turut didedahkan dengan salah satu usaha untuk mendapatkan tajaan daripada mana-mana syarikat yang turut memberikan sumbangan didalam program ini antaranya ialah DIY, UO Superstore, Bata dan lain-lain syarikat. Lanya turut menambah pengetahuan serta pengalaman bagi mewujudkan rasa keprihatinan kepada golongan yang memerlukan. Selain itu, ia turut mendedahkan pelajar kepada program yang berkonsepkan tanggungjawab sosial kepada komuniti.



Aktiviti Dam Gergasi.



Sesi penyampaian sumbangan kepada pelajar oleh Ketua Jabatan JPH En Mohd Amin bin Zakaria.



Sesi bergambar bersama urusetia, pelajar dan guru-guru Sek Keb Kong Kong Laut.

FEEL THE NATURE, EXPLORE BORNEO

Disediakan oleh: Nur Izzah Syazwani binti Abd Manaf & Nur Fadillah binti Mat Ariffin

Polytechnic Social Responsibility merupakan satu program yang melibatkan staf serta pelajar politeknik khususnya Politeknik Ibrahim Sultan dalam pengurusan, pelupusan dan pengurangan pencemaran serta menggalakkan aktiviti gotong royong membersihkan alam sekitar. Program ini telah di laksanakan pada pada 1 Mac 2017 bertempat di Kota Kinabalu Wetland Center yang melibatkan seramai 30 orang pelajar beserta 5 orang pensyarah dari Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti.

Kota Kinabalu Wetlands Center dahulu dikenali sebagai Kawasan Perlindungan Burung Kota Kinabalu City. Kawasan ini meliputi 24 hektar (60 ekar) hutan paya bakau, dan digunakan terutamanya sebagai pusat model tanah lembap untuk tujuan pemuliharaan, pendidikan, rekreasi, pelancongan dan penyelidikan. Kota Kinabalu Wetlands Center diuruskan oleh badan bukan kerajaan tempatan (NGO) dan Persatuan Pemuliharaan Tanah Lembap Sabah. Kota Kinabalu Wetlands Center juga merupakan tempat perlindungan dan habitat bagi pelbagai spesies burung yang bermastautin, dan juga beberapa jenis burung yang berhijrah dari Asia Utara. Di samping itu, ia adalah satu tempat pembiakan kehidupan laut yang dilindungi oleh Jabatan Perikanan

Sabah. Selain daripada menyediakan perlindungan dan makanan untuk pemastautin dan spesies penghijrah hidupan liar, tanah lembap juga mengelakkan garam terkumpul di sekitar bekalan air tawar, menstabilkan pemendapan, menyimpan nutrien dan mengeluarkan toksin.



Seramai 30 orang pelajar beserta 5 orang pensyarah dari Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti.



Pelajar berpeluang membuat aktiviti kesukarelaan ke arah pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Melalui program ini, pelajar didedahkan dengan persekitaran pembelajaran yang berbeza di mana pelajar berpeluang membuat aktiviti kesukarelaan ke arah pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Program ini juga bertujuan untuk melihat pelbagai reaksi terhadap kesan penglibatan individu dalam aktiviti secara individu mahupun berkumpulan terhadap tahap kesedaran, amalan dan penglibatan isu berhubung alam sekitar terutama dalam pemeliharaan juga pemuliharaan alam sekitar. Matlamat program ini adalah untuk membentuk masyarakat dan individu yang memperoleh kesedaran tentang punca pencemaran, pengetahuan untuk mengurus dan mengurangkan pencemaran, memupuk sikap yang mesra alam, memberi kemahiran dalam pengurusan alam sekitar, pelupusan dan pengurangan pencemaran serta menggalakkan gotong-royong membersihkan alam sekitar. Program ini dapat mencapai matlamat yang ingin dicapai dan dapat membentuk staf serta pelajar politeknik khususnya Politeknik Ibrahim Sultan untuk berbakti kepada alam sekitar.

ASEAN TVET ENGLISH PROGRAMME 2017: INTERNATIONAL PSR

Written by: Farahdiba bt Md. Said

ASEAN TVET English Programme 2017 was carried out at two different academic venues in Batam, Indonesia: SMK Muhammadiyah and Batam Tourism Polytechnic (BTP). There were in total 17 of us involved in running the programme: 12 students from various departments and 5 General Studies Department lecturers. Our journey to Batam started on 6 February 2017 and we travelled back on the 8 February 2017.

Our journey to Batam started at 8.30am on 6 February 2017. PIS bus brought us to the Pasir Gudang Jetty where we waited for two hours before finally boarding the jetty. We were lucky as the weather was good. So the ferry ride was not that bad. Our work began the night of 6 February 2017. Students were given packed food for them to eat in the rooms while the lecturers had a discussion with Encik Fairullah from Politeknik Mersing, Malaysia, and Bapak Syailendra Reza from Batam Tourism Polytechnic. At about 10.30pm, everyone assembled at the foyer of the hotel for the programme briefing.

On 7 February 2017, we left for SMK Muhammadiyah at about 7.00am. We were quite nervous as we did not know what to expect. However, it turned out that both the teachers as well as the students were happy to have us. In fact, all of the year 4 students wanted to participate. Although our original target of participants was 100, we could easily accommodate the 160 eager and excited participants.

SMK Muhammadiyah is somewhat like our technical school where students specialize in respective disciplines. The school offers a few disciplines such as Industry Electronic and Computer Networking. Nonetheless, we found that, in general, the students' ability in English language was rather weak. Fortunately, there was a number of students who could communicate in English. Thus, to overcome the communication problem, we put the students in a mixed group and, at the same time, we went for plan B in which we simplified our games.



On the way to Pasir Gudang Jetty.



From left: Nora, Farahdiba, Fairullah, Akhmaliah, Hafeez and Ainun.

The presenters under the supervision of Pn Farahdiba were Ho Chia Hui and Chin Hui Li while Pn Akhmaliah had Nur Athilah Hanim and Mohammad Syafiqul Izzat. Louvgethaan and Neo Soon Ann were the presenters at En Muhammad Alhafiz's station. As for Pn Ainun's station, there were Muhammad Izzat and Nur Liyana Afifah and the final station, which was monitored by Cik Nora, was run by Noor Fatin Hanani and Nur Syaqrin.

Each game lasted for 30 minutes. After the session ended at SMK Muhammadiyah, we had our lunch at Bareleng Bridge. We rested for a while before moving to Batam Tourism Polytechnic. The lecturers wanted to discuss on the venue of the programme. That was when we had a glimpse of our participants. Looking at their well-kept attire and beautifully planned building, some of us just simply lost our confident. Batam Tourism Polytechnic of two years old is a private institution that offers degree courses: Room Division Management, Culinary Management and Food and Beverage Management. Its current enrolment is 200 students.

Our arrival on 8 February 2017 was met by three students who served us with drinks and wet towels. The five-star-hotel treatment took us by surprise. For a brief moment, we were quiet and behaved extra-ordinarily demure. Once, all of us had settled, they escorted us to the hall for the opening ceremony. We ran the program in the same manner as it was done at SMK Muhammadiyah. Before noon, the programme was over. We ended the session with Muhammad Zulqarnain Amin handling the photo-taking session.

On the whole, running the programme in Batam was a challenging but a fruitful one. We learnt a lot – a great eye-opener: the lecturers discovered a few new things about the arena of teaching while the students made numerous numbers of acquaintances. We sincerely hope that ASEAN TVET English Programme of Politeknik Ibrahim Sultan could be an annual activity.



PIS team at Batam Tourism Polytechnic.



PIS team at SMK Muhammadiyah, Batam.

KURSUS ARDUINO PRACTICAL PROJECT

Disediakan oleh: Siti Nazurah binti Md Zaid



Sesi bergambar bersama peserta dan Jawatankuasa Pelaksana.

Portfolio Sukarelawan & Tanggungjawab Sosial Korporat Jabatan Kejuruteraan Elektrik Politeknik Ibrahim Sultan telah menganjurkan Kursus *Arduino Practical Project* di bawah program Pembelajaran Sepanjang Hayat. Kursus ini telah berlangsung pada 7 Mac 2017 di Makmal Komputer Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE). Kursus ini disertai oleh 35 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar Tingkatan 4 aliran sains tulen, Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Scientex, Pasir Gudang. Kursus ini bertujuan untuk mengembangkan pengaplikasian pengetahuan kejuruteraan dan sains melalui kaedah penyelesaian masalah dan penggunaan teknologi terkini dalam

penghasilan projek berinovasi. Berasaskan penggunaan mikrokawalan Arduino, kursus ini juga memberi pendedahan dan meningkatkan minat dalam kalangan pelajar sekolah tentang penggunaan Arduino sebagai sistem kawalan dalam bidang kejuruteraan elektrik dan elektronik. Para pelajar juga telah didedahkan kepada proses pembelajaran berasaskan pengalaman bagi pengembangan kebolehan dan penciptaan dalam bidang kejuruteraan. Penggunaan pengaturcaraan Arduino ini juga merupakan alternatif lain selain menggunakan PLC, *Micro Controller*, *Embedded* dan lain-lain sebagai pengawal kepada perkakasan projek.

Objektif program ini adalah untuk memberikan pendedahan serta pemahaman mengenai asas rekacipta dan inovasi serta menggalakkan proses pembelajaran berasaskan pengalaman. Selain itu, ia dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pelajar dalam bidang kejuruteraan, rekacipta dan inovasi dalam kalangan pelajar sekolah. Melalui kursus ini, ia dapat melahirkan pelajar yang fleksibel dan mampu mengadaptasikan diri dengan perkembangan teknologi. Di samping itu, program yang dijalankan dengan kerjasama pihak Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Scientex ini dapat mempromosi Politeknik Ibrahim Sultan kepada pelajar sekolah menengah dan komuniti setempat.

Sepanjang kursus ini, peserta diberi pendedahan asas tentang rekacipta dan inovasi dengan menggunakan mikrokawalan Arduino. Peserta juga diberi penerangan tentang komponen yang digunakan iaitu LED, Buzzer, Potentionmeter, Resistor, Breadboard dan Arduino Board. Mereka berpeluang memasukkan sendiri aturcara yang perlu digunakan untuk memprogramkan aktiviti yang dikehendaki. Terdapat empat litar telah diketengahkan kepada pelajar iaitu LED blinking, LED Blinking Forward/ Reverse Sequence, Buzzer dan LED Brightness Control dengan menggunakan set Arduino Uno.

Semoga dengan adanya kursus ini, ia dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pelajar sekolah menengah dalam bidang reka cipta dan kejuruteraan elektrik bagi pelengkapan proses pembelajaran. Ia juga akan meningkatkan lagi kecemerlangan pelajar dalam meneroka inovasi baru di masa akan datang. Pihak jabatan juga dapat mempromosi Politeknik Ibrahim Sultan kepada pihak sekolah melalui penglibatan pelajar sekolah menengah dan guru pengiring dalam kursus ini.

BENGKEL RESEARCH METHODOLOGY AND INTRODUCTION

Disediakan oleh: Siti Suhaila binti Samian

Bengkel *Research Methodology- An Introduction* yang dilaksanakan dengan jayanya pada 14 Februari 2017 di Bilik Seminar Meranti, Politeknik Ibrahim Sultan ini merupakan usaha yang diambil bagi memberi pendedahan dan pengukuhan kepada para pelajar mengenai kajian penyelidikan. Pelajar telah diberi pendedahan berkaitan pengenalan serta proses menjalankan sesuatu kajian secara makro. Penganjuran bengkel ini adalah bertepatan dengan kursus yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar pada semester ini iaitu kursus BTT6113 - *Research Methods*.

Seramai 41 orang peserta telah terlibat dalam bengkel ini mencakupi 32 orang pelajar BTH 6 Sesi Mac 2017 dan 9 pensyarah dari Program Sarjana Muda Sains (Kep) Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti Antarabangsa. Bengkel sehari ini telah dikendalikan oleh Dr Ahmad bin Zainal, Ketua Jabatan, Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan, IPG Kampus Temenggong Ibrahim Johor Bahru.



Dr Ahmad bin Zainal.



Bersama pensyarah penyelia dan pelajar-pelajar BT6 bagi kursus BTT6113.

Diharapkan bengkel seperti ini dapat dilaksanakan pada masa akan datang sebagai pendedahan kepada para pelajar sebelum dapat menghasilkan kajian yang baik bagi memenuhi keperluan kursus BTT6113 - *Research Methods*. Bengkel seperti ini juga amat sesuai dianjurkan dalam kalangan pensyarah politeknik bagi meningkatkan kemahiran menjalankan penyelidikan serta membudayakan penyelidikan dengan lebih meluas dalam bidang pengajian masing-masing.

LAWATAN FESTIVAL KRAFTANGAN JOHOR

Disediakan oleh: Mohd Redzuan bin Husaini



Sesi bergambar pelajar dan pensyarah pengiring.



Pelajar menyertai pertandingan mengecap corak pada kain.



Penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan mengecap corak pada kain oleh wakil Perbadanan Kraftangan cawangan Negeri Johor.

Pada 18 Disember 2016, semperna Festival Kraf Tangan Johor 2016 yang berlangsung di Padang A, Angsana Johor Bahru Mall, pelajar khas (masalah pendengaran) dari program Sijil Kemahiran Rekabentuk Grafik dan Sijil Rekabentuk Fesyen dan Pakaian dari Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual (JRKV) telah mengadakan lawatan sambil belajar. Seramai 44 orang pelajar khas dan bersama 4 orang pensyarah pengiring iaitu Puan Ismalyza binti Mt. Arif, Penasihat akademik KRG 3, Puan Rohaida binti Mohd. Yusoff, En. Mohd Redzuan bin Husaini dan Puan Azlina binti Ahmad. Lawatan ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar khas tentang cara penghasilan kraf dan pemasaran hasil kraftangan. Pendedahan ini bertujuan memberi pengetahuan kepada pelajar berkaitan seni kraf sedia ada dan untuk meningkatkan minat pelajar dalam bidang keusahawanan untuk membolehkan pelajar menjadi seorang usahawan apabila mereka menamatkan pengajian di politeknik.

KOLABORASI STRATEGIK LAWATAN & AKTIVITI INTERAKTIF KRAF SEMPENA SAMBUTAN HARI KRAF KEBANGSAAN 2017

Disediakan oleh: Mohd Izswan bin Mohd Sidik



Bergambar dihadapan Balai Seni Visual Negara.



Aktiviti interaktif di Hari Kraf Kebangsaan 2017 di Pusat Kraftangan Kuala Lumpur.

Pada 26 dan 27 Februari 2017, Kelab Kraf Kreatif, Politeknik Ibrahim Sultan telah melaksanakan aktiviti interaktif ke Balai Visual Seni Lukis Negara dan Hari Kraf Kebangsaan 2017 di Pusat Kraftangan Tangan Kuala Lumpur. Seramai 17 orang pelajar merentasi dua jabatan iaitu Jabatan Pelancongan & Hospitaliti serta Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, diiringi oleh 3 orang pensyarah, iaitu En. Mohd Izswan bin Mohd Sidik, Badrul Hisham bin Shaharin dan Pn. Ismalyza binti Mat Arif, telah menghadiri lawatan tersebut.

Lawatan aktiviti interaktif ini bertujuan untuk memperluaskan dan memantapkan jaringan Global Pengajian Tinggi (Politeknik) melalui kolaborasi berskala besar yang merintis usaha perkongsian dalam aspek pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan sumbangan kepakaran untuk institusi ini. Melalui lawatan ini, pelajar dididik untuk menerapkan jiwa keusahawanan melalui Hari Kraf Kebangsaan 2017 dengan aktiviti pewarnaan semulajadi batik, demontrasi menenun dan juga demontrasi penghasilan produk-produk kraf seperti hulu parang, permainan gasing, kompang dan sebagainya. Lawatan berpandu dan aktiviti interaktif ini juga dilihat sebagai satu lawatan yang memberi implikasi kepada Politeknik Ibrahim Sultan untuk mewujudkan peluang dan platform untuk berkolaborasi dalam perniagaan dan kerjasama keusahawanan bersama organisasi tempatan dan antarabangsa terutama kepada usahawan dan bakal pelabur-pelabur secara amnya.

PROGRAM *TECHNICAL SITE SURVEY & REPORT RAINING* (*MOBILE COMMUNICATION*)

Disediakan oleh : Azrin Nur Farhana binti Abdullah Din

Program anjuran dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik dengan kerjasama *Docom Resources Sdn. Bhd.* ini berlangsung selama dua hari, iaitu pada 28 dan 29 November 2016. Peserta terdiri daripada 20 orang pelajar semester 4 program Diploma Kejuruteraan Elektrik Perhubungan. Program ini dilaksanakan bagi mencapai KPI-PPI (Pensyarah Pelawat Industri) iaitu mengadakan aktiviti pemindahan ilmu (*knowledge transfer*) kepada pensyarah dan pelajar yang mengambil kursus DEP6323 *Wireless Communication - subtopic Cellular Communication Systems*.

Pendedahan kepada perkembangan penggunaan teknologi terkini dan prosedur kerja oleh pihak industri amat diperlukan supaya pensyarah dan pelajar mendapat ilmu baru dan sebenar serta dapat meningkatkan lagi kemahiran dan pengetahuan mengenai *Technical Site Survey and Report (Mobile Communication)*. Pelaksanaan program ini dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (P&P) diharap dapat memberi impak kepada hasil pembelajaran (*learning outcome*) pelajar.

Program ini bertujuan untuk menjalin hubungan kolaborasi antara Politeknik Ibrahim Sultan dengan pihak industri (iaitu Syarikat *Docom Resources Sdn Bhd*) dengan mengadakan aktiviti pemindahan ilmu (*knowledge transfer*) dalam sesi taklimat, lawatan, tinjauan dan perbincangan. Selain itu, program ini dapat membina kerjasama antara pensyarah Politeknik Ibrahim Sultan dengan pihak syarikat *Docom Resources* dalam melaksanakan penyelidikan pencerapan data untuk *mobile telecommunication*. Ia juga dapat membuka minda dan meningkatkan ilmu pengetahuan pensyarah dan pelajar dalam bidang telekomunikasi dan kerjaya berkaitan. Program ini memberi peluang dan pendedahan kepada pelajar tentang piawaian sebenar dalam proses *technical site survey* dan laporan.

Impak program ini adalah, pelajar mendapat pengetahuan dan maklumat berkaitan teknologi terkini yang digunakan dalam pencerapan di *Radio Base Station*. Ia juga dapat menambah pengetahuan pelajar dalam *technical Site Survey* seterusnya dapat membantu meningkatkan kebolehpasaran kerja pelajar. Para pelajar juga dapat meningkatkan keyakinan dan kemahiran berinteraksi dan berkomunikasi semasa sesi soal jawab pembentangan laporan.



Taklimat pengenalan asas industri telekomunikasi oleh Pengarah Urusan *Docom Resources*, Encik Mazrilhisham Mansor.



Antara para pelajar dan pensyarah yang terlibat dengan program *Technical Site Survey & Report Raining (Mobile Communication)*.



Penyampaian sijil kepada para peserta.



Pembentangan Laporan Site Survey.



Lawatan tapak ke *radio base station* dan pengumpulan data.



INTERNATIONAL STUDENT OUTREACH PROGRAMME

Disediakan oleh: Zulaikha binti Ab Rahman



Pada 12 Februari yang lalu bertempat di Politeknik Ibrahim Sultan Pasir Gudang, Johor satu program telah dilaksanakan oleh pelajar semester 3, Diploma Pengurusan Acara iaitu *International Student Outreach Programme*. Program di bawah bimbingan Encik Mohd Faiz bin Mohd Noor dan Puan Zulaikha binti Ab Rahman ini dijalankan dengan kerjasama J&C Travel Agency, melibatkan sebanyak 80 orang pelajar Jepun daripada *Oita Shogyo High School*.

Tema yang dipilih untuk program ini adalah Adat Istiadat Perkahwinan Masyarakat Melayu, di mana keseluruhan dewan dihias seperti sebuah majlis perkahwinan Melayu yang lengkap dengan adat istiadat seperti upacara berarak, tepung tawar, pencak silat dan sebagainya. Majlis bertambah meriah apabila seorang daripada pelajar Jepun berkenaan dipilih untuk menjadi pengantin lelaki.

Majlis dimulakan dengan persembahan pencak silat daripada wakil pelajar PIS, persembahan tarian tradisional seperti tarian Inang dan Zapin daripada kelab kebudayaan PIS.

Majlis bertambah meriah apabila pelajar – pelajar daripada *Oita Shogyo High School* dijemput untuk menepung tawar pengantin di atas pelamin yang dihias indah. Keterujaan jelas terpancar di wajah mereka saat acara berlangsung. Selain daripada itu, penganjur juga menyediakan beberapa permainan tradisional masyarakat Melayu untuk dicuba oleh pelajar berkenaan antaranya seperti, ceper, batu seremban, bulu tangkis, baling selipar dan teh tarik.

Penganjur percaya dengan tema yang dipilih ini dapat memberi sedikit sebanyak ilmu pengetahuan tentang budaya masyarakat melayu di Malaysia selain memberi pengalaman dan peluang kepada pelajar – pelajar *Oita Shogyo High School* untuk merasai sendiri suasana berada di majlis perkahwinan masyarakat Melayu. Terima kasih dan tahniah diucapkan kepada pensyarah yang terlibat dalam menjayakan program ini dan sekalung tahniah juga buat pelajar semester 3, Diploma Pengurusan Acara yang berjaya menganjurkan acara yang penuh adat istiadat ini.

POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN SHINES AT THE 22ND WORLD KITE FESTIVAL 2017

Written by: Khalida Binti Khairudin

Translator by: Yeow Chee Keong



PIS participants register their participations.



The annual World Kite Festival was held on 22-26 February 2017 at the Pasir Gudang Municipal (MPPG) field. During that event, 3D Kite Competition was held. The competition was able to garnered 29 participations. Lecturers and students of Politeknik Ibrahim Sultan (particularly from Jabatan Reka-bentuk, Komunikasi & Visual, JRKV), school staff, students and other participating individuals were the participants.

Two participations from Politeknik Ibrahim Sultan (PIS) managed to be named among the best ten produced kites in the competition. Puan Khalida binti Khairudin along with Puan Nurul Asmar binti Azan and Mohd Safuan bin Alwis Kamal secured the fourth place. The other Politeknik Ibrahim Sultan (PIS) team comprised Encik Aziz bin Abdullah and Muhd Hairuddin Marnazelee, who managed to get seventh place.



Kites produced are being assessed by the judges.



BIL	TEMPAT	NO WAU	NAMA PESERTA	SEKOLAH	MARKAH
1	JOHAN	3D01	MOHD ZAMRI B MOHD ZAKI (TRANSFORMER)	KELANTAN D	82
2	N. JOHAN	3D11	MOHD NORHISHAM BIN MD TOHAR(PATRICK 3D)	SMK PARIT BETAK	76
3	KETIGA	3D20	SHAFIQATUL IZWAN B. MOHD SHUKRI (SPONGE BOB)	KELANTAN	71
4	KEEMPAT	3D07	MUHD SAFUAN B. ALWIS KAMAL (MINION)	POLITEKNIK B IBRAHIM SULTAN	68
5	KELIMA	3D02	AB LATEFF BIN EHSAN (SPONGE BOB)	KUALA LUMPUR A	68
6	KEENAM	3D10	JESMIN BIN FAZIN (DRAGON)	KEDAH D	68
7	KETUJU	3D08	MUHD HAIRUDDIN B. MARNAZELEE (SPONGE BOB)	POLITEKNIK A IBRAHIM SULTAN	66
8	KELAPAN	3D13	AWGKU WILAJAYA B. AWGKU BASAR (ROBOCAR POLI)	SARAWAK	66
9	KESEMBILAN	3D21	GHAZALI BIN ISA (KICK BOX)	KEDAH	64
10	KESEPULUH	3D16	NOR AZMI BIN MARNUN (SUPPER WING)	SELANGOR	63

(.....)
NAMA & T.T. PENCATAT MARKAH

(.....)
NAMA & T.T. KETUA PENGADIL



A photo session with PIS participants.

MOOC - ONLINE LEARNING COMPETITION 2016 (ENRICHING THE STUDENTS' LEARNING EXPERIENCE)

Prepared by : Catherine Nguoi Chui Lam

A test run of Massive Open Online Course (MOOC) platform: Effective Oral Presentation Skills, was conducted by Language Unit of General Studies Department (JPA) in June session 2016, as per requirement of MOOC Master Competition organized by Instructional and Digital Learning Division – Center for eLearning and Teaching (CeLT), Department of Polytechnic Education.

This programme: MOOC - Online Learning Competition 2016 was thus carried out with the main aim to boost the motivation of students to engage in and submit work of compelling quality to the platform towards successful implementation of the test run. The said programme has run for a time frame of about five (5) weeks (4 September – 13 October 2016), including the grace period. Four (4) English Language lecturers, namely, Catherine Nguoi Chui Lam, Noor Azeelia Bt Abdul Manan, Pooganewari Siteram Pillai and Nora Bt Sahari were entrusted with the roles as the MOOC Tutors for the said platform.


The benefits of this programme are two-fold. Firstly, this programme can help our students to develop their ideas and do the necessary preparation for their oral presentation as this online course was developed by taking into account the essential subskills needed for students to accomplish their oral presentation assessment. Secondly, constructive feedback given by Course Tutors as well as the peers' comments can scaffold the students' learning as they were engaged in an interactive and supportive online learning environment.

A total of two-hundred and thirty five (235) Semester One students taking DUE1012 Communicative English Course this semester have enrolled and participated in the online course. The classes involved are listed as follows: DJK 1A, DMB 1B, DKM 1B, DEV 1A, DKM 1A, DEV 1B and DEM 1B. Fourteen (14) students who were chosen to receive The Best Participation Awards are listed as follows: Chong You Quan (DJK1A), Muhd Zulhelmie B Samsudin (DJK1A), Kishore Kumar (DMB 1B), Siti Nurul'Ain Yahaya (DMB1B), Shahrizal B Saidin (DKM 1B), Muhamad Fuad Shahrudin (DKM 1B), Nurin Jaslina BT Mohd Rozi (DEV1A), Muhammad Al Hussin B. Rahim (DEV 1A), Muhd Syah Iskandar B Othman (DKM 1A), Nurwahidah BT Saadion (DKM 1A), Fatin Nuraqilla BT Anuar (DEV 1B), Puteri Nur Yasmin BT Ya'ccob (DEV1B), Viknashalan A/L Siva Kumar (DEM 1B) and Stephen Fernandez A/L Selvamany (DEM 1B).

On the whole, this programme can be considered an essential platform towards enriching the students' learning experience through computer-mediated communication and interactive activities conducted online. Besides, this programme can also nurture discovery and independent learning as it can scaffold learner autonomy in the learning process. Learners are generally assisted to become more autonomous in the virtual classroom. Most importantly, through this programme, students were also led to see as how they can support each other in an online community, in line with our efforts to create a supportive language learning environment that can facilitate the students' learning!



A snapshot with the winners.



E-learning in action.



A snapshot with the winners.

PERTANDINGAN PERSEKITARAN BERKUALITI MASJID DAN SURAU PERINGKAT PASIR GUDANG

Disediakan oleh : Md Yusri bin Jani

Pada 26 Mac 2017, bertempat di Aman Sari Resort, Masjid PIS telah dianugerahkan sebagai Johan bagi pertandingan persekitaran berkualiti Peringkat Masjid dan Surau Pasir Gudang bagi tahun 2016. Anugerah telah disampaikan oleh YB Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad, Ahli Parlimen Pasir Gudang. Masjid PIS diwakili Ustaz Mohammad Hamdan b. Abdul Ghani (pengerusi masjid) dan Tn. Syed Sheikh bin Syed A. Kadir (mantan pengerusi Masjid PIS). Pelbagai aspek diambil kira dalam penilaian juri untuk pertandingan ini. Di pihak Masjid PIS, Persiapan awal telah dibuat oleh semua AJK bagi memastikan kemenangan ini menjadi milik Masjid PIS.



Sidang Redaksi

Ketua Editor

En Nordin bin Zakariah

Penolong Ketua Editor

Pn Zuraidah binti Mohd Ramly

Setiausaha

Pn Alyyati binti Mohd Talib

Editor

Pn Asniza binti Abu Bakar

Editor Rekabentuk

Pn Izzati Izni binti Ab Lazis

Pruff

Pn Rohamiah binti Muda
Pn Dina binti Abdul Khalik

Wakil Jabatan/Unit

Pn Maisarah binti Mahizan (JKE)
Pn Raja Sharidatul Liza binti Raja Shardin (JKM)
Pn Ismalyza binti Md Arif (JRKV)
Pn Maisarah binti Zakaria (JPH)
En Yeow Chee Kheong (JPA)
En Baniamin bin Abu Bakar (PRO)
En Mohd Azali Bin Zainal Abidin (SUKAN)

Pada majlis yang sama, Masjid PIS juga turut memenangi tempat ketiga bagi pertandingan Landskap dan Laman Masjid dan Surau, peringkat Pasir Gudang. Pertandingan ini adalah acara tahunan yang dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG). Menurut Timbalan Pengerusi Masjid PIS En. Md Yusri bin Jani, "Masjid PIS telah memenangi pertandingan ini sebagai johan selama 2 tahun berturut-turut, iaitu pada tahun 2015 dan 2016". Kemenangan ini diharapkan dapat menyuntik semangat seluruh jawatankuasa yang terlibat dan secara tidak langsung menaikkan imej Politeknik Ibrahim Sultan sebagai institusi yang mesra komuniti. Selain itu, ia juga menjadikan institusi masjid sebagai institusi yang mempunyai pengurusan berkualiti dan memanfaatkan sepenuhnya sumbangan para jamaah bagi menjadikan institusi masjid sebagai institusi contoh dan dihormati.